



**MAJLIS
BANDARAYA
JOHOR BAHRU**

PELAN STRATEGIK 2026-2030





PELAN STRATEGIK

2026-2030

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

ISI KANDUNGAN

Muka surat

RINGKASAN EKSEKUTIF	3
Perutusan YAB Menteri Besar Johor	4
Kata Alu-Aluan YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Johor	6
Kata Alu-Aluan YB Setiausaha Kerajaan Johor	8
Kata Alu-Aluan YB Datuk Bandar Johor Bahru	10

BAB 1 PENDAHULUAN	12
• Sejarah Perkembangan Johor Bahru	14
• Latar Belakang Majlis Bandaraya Johor Bahru	15
• Peluasan Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru	16
• Fungsi Dan Peranan	17 -18
• Punca Kuasa	19
• Piagam Pelanggan	20-21
• Dasar Kualiti	22
• Carta Organisasi	23

BAB 2 PENCAPAIAN PRESTASI PELAN STRATEGIK 2021-2025	25 - 29
--	---------

BAB 3 HALA TUJU STRATEGIK	31
• Isu Dan Cabaran	32 -35
• Pihak Berkepentingan	36
• Visi & Misi	37
• Peta Strategik	38
• Teras Strategik	39
• Nilai Teras	40
• Moto	41
• Teras Strategik Dan Mengikut Jabatan	42

BAB 4 PELAN TINDAKAN STRATEGIK MBBJ 2026-2030	43
• Teras Strategik	
• Strategi, Program Dan Indikator	
• <i>Teras Strategik 1</i>	44-57
• <i>Teras Strategik 2</i>	58-63
• <i>Teras Strategik 3</i>	64-71
• <i>Teras Strategik 4</i>	72-75
• <i>Teras Strategik 5</i>	76-84

BAB 5 MEKANISMA PEMANTAUAN DAN PENUTUP	85
• Pemantauan Dan Pengukuran Prestasi	86
• Penilaian Dan Kajian Semula/ Kajian Impak	87
• Penutup	88

Ringkasan EKSEKUTIF

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terus berdepan dengan cabaran baharu dalam era urbanisasi dan globalisasi yang pesat. Seiring dengan visi menjadikan Johor Bahru sebagai Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berdaya Huni dan Berbudaya, MBJB komited untuk memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang, responsif dan inklusif demi kesejahteraan warga bandar raya.

Bagi tempoh lima (5) tahun akan datang, **Pelan Strategik MBJB 2026–2030** digubal sebagai dokumen panduan utama yang menggariskan dasar, hala tuju dan keutamaan strategik organisasi. Pelan ini menekankan pendekatan bersepadu dan dinamik bagi memastikan setiap perancangan selari dengan keperluan semasa warga bandar raya, kehendak pihak berkepentingan serta dasar pembangunan mampan negara.

Terdapat empat (5) objektif strategik utama yang digariskan dalam pelan ini bagi memastikan MBJB terus maju sebagai organisasi yang berprestasi tinggi dan memenuhi kehendak para pemegang taruhnya. Objektif ini disusun dengan mengambil kira aspek pembangunan fizikal dan sosioekonomi bandar raya, pengurusan sumber yang mampan, serta penerapan nilai budaya dan identiti Bangsa Johor dalam semua inisiatif pembangunan. Penekanan turut diberikan kepada penggunaan teknologi pintar, pendigitalan perkhidmatan, pengurusan hijau serta tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti.

Selain itu, antara fokus utama bagi tempoh 2026–2030 termasuklah memperkukuh kedudukan Johor Bahru sebagai bandar utama dalam Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura (JS-SEZ), meningkatkan daya huni melalui pembangunan bandar hijau dan mampan, memperluas keterlibatan komuniti dalam pembangunan setempat, serta memperkaya nilai budaya dan warisan sebagai teras identiti bandar raya.

Pelan Strategik MBJB 2026–2030 ini petunjuk utama ke arah merealisasikan aspirasi Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya antarabangsa yang berdaya saing, berdaya huni dan berbudaya tinggi.



Perutusan

YAB DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI
Menteri Besar Johor

Perutusan

YAB DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI
MENTERI BESAR JOHOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Maju Johor

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, **Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berjaya merangka Pelan Strategik MBBJ 2026-2030** sebagai panduan hala tuju pembangunan dan pentadbiran bandar raya ini untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

Pelan strategik ini mencerminkan komitmen berterusan MBBJ untuk memperkukuh tadbir urus bandar raya, meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat serta memastikan pembangunan Johor Bahru kekal mampan, inklusif dan berdaya saing di peringkat serantau.

Sebagai bandar raya utama selatan tanah air dan pintu masuk antarabangsa negara, Johor Bahru kini berada di ambang transformasi besar menerusi pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) yang bakal membuka lembaran baharu dalam landskap ekonomi negeri Johor. Pelaksanaan JS-SEZ bukan sahaja akan memperkukuh kedudukan Johor Bahru sebagai hab pelaburan dan perdagangan serantau, malah akan menjana limpahan peluang pekerjaan, inovasi dan kemakmuran yang lebih meluas untuk rakyat negeri ini.

Justeru itu, **Pelan Strategik MBBJ 2026-2030** ini hadir tepat pada masanya sebagai pelan tindakan yang menyokong aspirasi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Johor Bahru sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berdaya huni dan berbudaya seiring dengan agenda **Maju Johor 2030**.

Saya yakin dengan iltizam, kepakaran dan semangat kerja berpasukan warga MBBJ, segala strategi dan inisiatif yang digariskan dalam pelan ini dapat direalisasikan dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negeri Johor secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.



Dato' Onn Hafiz bin Ghazi
Menteri Besar Johor

Kata Alu-Aluan

**YB DATO' HAJI MOHD JAFNI
BIN MD SHUKOR**

**Pengerusi Jawatankuasa
Perumahan Dan Kerajaan
Tempatan Negeri Johor**



Kata Alu-Aluan

YB DATO' HAJI MOHD JAFNI BIN MD SHUKOR
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor

*Assalamualaikum wbt., Salam Sejahtera dan Salam Maju Johor,
Bismillahirrahmanirrahim,*

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, **Buku Pelan Strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) 2026–2030** ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Dokumen penting ini menjadi rujukan utama dalam menentukan hala tuju pentadbiran dan pembangunan bandar raya Johor Bahru bagi tempoh lima tahun akan datang.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Datuk Bandar dan seluruh warga MBJB atas komitmen serta usaha gigih dalam merangka pelan strategik yang menyeluruh dan berpandangan jauh. Pelan ini menggambarkan kesungguhan MBJB dalam memperkukuh peranan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang progresif, berwibawa dan inklusif.

Seiring dengan aspirasi Kerajaan Negeri Johor ke arah pembangunan mampan dan Maju Johor, pelan strategik ini memberi penekanan kepada pembangunan bandar yang seimbang antara kemajuan fizikal, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar. Pendekatan ini amat penting bagi memastikan Johor Bahru kekal sebagai bandar raya yang lestari, berdaya huni serta mampu menampung pertumbuhan ekonomi dan kepelbagaian komuniti yang dinamik.

Selain itu, penerapan teknologi digital dan inovasi pintar menjadi teras penting dalam memperkukuh kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam MBJB. Melalui inisiatif pendigitalan dan penggunaan data raya, perkhidmatan dapat disampaikan dengan lebih pantas, tepat dan mesra rakyat. Usaha ini bukan sahaja memenuhi kehendak masyarakat masa kini, malah memperkukuh daya saing Johor Bahru sebagai bandar raya pintar dan berdaya huni.


Pelan Strategik ini turut menekankan aspek kecekapan perkhidmatan, integriti dan tadbir urus yang baik, selaras dengan prinsip akauntabiliti serta ketelusan dalam setiap tindakan dan keputusan pentadbiran. Saya percaya, apabila nilai-nilai ini dihayati oleh seluruh warga kerja MBJB, ia akan melahirkan budaya kerja yang profesional dan berprestasi tinggi, seterusnya memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan tempatan.

Saya yakin dengan pelaksanaan yang berkesan dan pemantauan berterusan, Pelan Strategik MBJB 2026-2030 ini akan menjadi pemangkin kepada transformasi bandar raya Johor Bahru yang lebih mampan, moden dan sejahtera. Semoga usaha ini membawa manfaat besar kepada rakyat dan menjadi asas kukuh dalam pembentukan masa depan Johor Bahru.

“Semoga ia menjadi pahala berpanjangan untuk kita semua”.

Sekian, terima kasih.

Allah Peliharakan Sultan
Allah Berkati Johor



Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor



Kata Alu-Aluan

**YB DATO' HAJI ASMAN SHAH
BIN ABD. RAHMAN**

Setiausaha Kerajaan Johor

Kata Alu-Aluan

YB DATO' HAJI ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN
Setiausaha Kerajaan Johor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Maju Johor.

Pertama sekali, izinkan saya untuk merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, Majlis Bandaraya Johor Bahru berjaya merangka dan menerbitkan **Pelan Strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru 2026-2030**.

Saya turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga Majlis Bandaraya Johor Bahru kerana atas usaha yang gigih, kerjasama padu dan sokongan berterusan telah memungkinkan terhasilnya pelan strategik ini. Sesungguhnya dokumen ini adalah penting sebagai sebuah landasan utama dalam memperkukuh hala tuju pembangunan dan pentadbiran bandar raya Johor Bahru ke arah sebuah bandar yang progresif, mampan, serta berpaksikan semangat Bangsa Johor.

Sebagai ibu negeri Johor dan pusat pertumbuhan utama wilayah selatan, Johor Bahru berperanan penting sebagai peneraju kemajuan sosioekonomi negeri. Justeru itu, pelan strategik ini wajar dilihat bukan sekadar sebagai dokumen perancangan, tetapi sebagai kompas strategik yang memandu transformasi perkhidmatan bandar raya berasaskan nilai kecekapan, integriti dan tadbir urus yang cemerlang.

Kerajaan Negeri Johor sentiasa menekankan tentang agenda transformasi perkhidmatan awam, dengan berfokuskan kepada kecekapan penyampaian, peningkatan produktiviti serta penerapan nilai integriti dan akauntabiliti di setiap pentadbiran.

Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Johor Bahru perlu tampil sebagai contoh teladan kepada pihak berkuasa tempatan yang lain dengan mengamalkan tadbir urus terbaik, memperkukuh sistem kawalan dalaman, serta mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang responsif, berkesan dan memberi impak positif kepada rakyat.

Keberkesanan pelaksanaan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru 2026-2030 bukan sahaja bergantung kepada keupayaan warga Majlis Bandaraya Johor Bahru berfikir secara strategik tetapi bersikap inovatif dalam menjalankan urusan pekerjaan dan mengoptimumkan penggunaan teknologi digital bagi menambah nilai dan memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam bandar raya. Dalam masa yang sama, sinergi padu antara jabatan, agensi kerajaan, sektor swasta dan komuniti setempat amat penting bagi memastikan hasil pembangunan dapat dinikmati secara menyeluruh dan inklusif oleh seluruh lapisan masyarakat.

Selain itu, saya yakin bahawa dengan kepimpinan yang berwawasan, integriti yang teguh serta semangat kerja berpasukan yang tinggi, Majlis Bandaraya Johor Bahru akan terus unggul dan cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai institusi pentadbiran bandar yang berdaya saing serta berorientasikan rakyat.

Semoga Pelan Strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru 2026-2030 menjadi platform penyatuan komitmen dan tindakan semua pihak dalam usaha menjadikan Johor Bahru sebuah bandar raya yang sejahtera, berintegriti dan berdaya maju, selaras dengan aspirasi Maju Johor.

Sekian, terima kasih.



Dato' Haji Asman Shah bin Abd. Rahman
Setiausaha Kerajaan Johor



Kata Alu-Aluan

**YB DATO' HAJI MOHD. HAFFIZ
BIN HAJI AHMAD
Datuk Bandar Johor Bahru**

Kata Alu-Aluan

YB DATO' HAJI MOHD. HAFFIZ BIN HAJI AHMAD
Datuk Bandar Johor Bahru

Salam Bandar Raya,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berjaya melangkah setapak lagi dalam memperkukuh landasan pembangunan bandar raya ini melalui penerbitan **Pelan Strategik MBJB 2026–2030**. Dokumen ini bukan sekadar pelan tindakan, tetapi sebuah kompas strategik yang menjadi panduan untuk mentadbir, membangun dan memperkasa Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya yang progresif, berdaya huni dan inklusif.

Pelan Strategik ini dibangunkan dengan berteraskan visi Johor Bahru sebagai Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berdaya Huni dan Berbudaya. Ia mencerminkan komitmen MBJB dalam membina persekitaran yang bukan sahaja maju dari segi fizikal dan ekonomi, tetapi turut menekankan kesejahteraan sosial, kelestarian alam sekitar serta pemeliharaan identiti dan warisan.

Menerusi pelan strategik ini, MBJB akan terus memperkukuh kedudukannya sebagai Peneraju Bandar Pintar sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pendigitalan dalam tadbir urus akan terus dipergiat bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, memudahkan urusan rakyat serta memperkukuh ketelusan dan integriti dalam setiap lapisan pentadbiran.


MBJB akan memastikan setiap agenda dan inisiatif dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, berpaksikan nilai profesionalisme dan berorientasikan hasil yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan warga bandaraya Johor Bahru. Selain itu, pembangunan modal insan dan bakat anggota MBJB turut diberi penekanan. Kejayaan sesebuah organisasi tidak hanya bergantung pada perancangan yang baik, tetapi juga pada kekuatan warganya. Justeru, MBJB akan terus melaksanakan inisiatif pembelajaran berterusan, peningkatan kompetensi dan pembudayaan inovasi dalam kalangan warga kerja agar mampu mendepani cabaran masa depan dengan lebih berdaya saing dan dinamik.

Peranan komuniti tidak boleh diketepikan. Kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini amat bergantung kepada sokongan, kerjasama dan penyertaan aktif semua lapisan masyarakat sama ada penduduk, pertubuhan komuniti, pihak swasta, badan bukan kerajaan mahupun institusi pendidikan. MBJB percaya bahawa pembangunan yang holistik hanya dapat dicapai melalui semangat kebersamaan, tanggungjawab dan kesedaran yang tinggi dalam kalangan warga bandar raya.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik MBJB 2026–2030 ini. Semoga dokumen ini menjadi landasan kukuh dalam usaha kita merealisasikan aspirasi Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya yang bukan sahaja bertaraf antarabangsa, tetapi juga selesa untuk didiami, kaya dengan nilai budaya serta berpaksikan kemanusiaan dan kesejahteraan sejagat.

Sekian, terima kasih.

Allah Peliharakan Sultan
Allah Berkati Johor



Dato' Haji Mohd. Haffiz bin Haji Ahmad
Datuk Bandar Johor Bahru



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MBJB



PENDAHULUAN

- SEJARAH PERKEMBANGAN JOHOR BAHRU
- LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
- PELUASAN KAWASAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
- FUNGSI DAN PERANAN
- PUNCA KUASA
- PIAGAM PELANGGAN
- DASAR KUALITI
- CARTA ORGANISASI

SEJARAH PERKEMBANGAN JOHOR BAHRU

Pembukaan Iskandar Puteri (Johor Bahru)

Pada tahun 1855, keseluruhan pusat pentadbiran kerajaan Johor masih berpusat di Teluk Belanga, Singapura. Pemerintah Johor yang diterajui Temenggung Ibrahim telah mengabsahkan ketakhtaannya dengan mengubah gelaran jawatan daripada Datuk Temenggung kepada Raja Temenggung Tun Ibrahim Seri Maharaja Johor. Manakala anakandanya, Ungku Abu Bakar dikurniakan gelaran Bakal Raja Johor. Pada 10 Mac 1855 Sultan Ali Iskandar Shah Sultan Johor menyerahkan kerajaan dan Negeri Johor melainkan Jajahan Kesang kepada Temenggung Ibrahim melalui Perjanjian Setia. Mulai tarikh itu Inggeris mengiktiraf Dato' Temenggung Daing Ibrahim Sri Maharaja sebagai ketua dan pemerintah kerajaan Johor. Baginda juga berusaha mendapat pengesahan daripada kerajaan-kerajaan Melayu yang lain untuk mengukuhkan kedaulatan dan kekuasaan kerajaannya. Pada tahun 1861, Temenggung Ibrahim dan Bendahara Tun Tahir Seri Maharaja Pahang menandatangani perjanjian persahabatan dan kerjasama pertahanan.

Di bawah kepimpinan Temenggung Ibrahim, Johor menempa pembangunan dan permodenan yang pesat dalam bidang ekonomi dan sosial. Pada tahun 1858 pusat pentadbiran Johor telah berpindah dari Telok Belanga Singapura ke Iskandar Puteri. Perpindahan ibu

negeri kerajaan Johor dari Teluk Belanga ke Iskandar Puteri adalah disebabkan oleh rasa tidak senang penjajah British melalui kerajaan Negeri-Negeri Selat yang juga berpusat di Singapura. Justeru itu, Temenggung Ibrahim telah mengarahkan pembinaan dan pembangunan Iskandar Puteri dimulakan sejak tahun 1855. Temenggung Ibrahim telah berkenan melantik Daput bin Muhammad Salleh sebagai ketua bagi mengawasi kerja-kerja pembangunan pejabat kerajaan, rumah kediaman dan pusat perniagaan.

Sempena dengan permulaan pembangunan bandar tersebut, Temenggung Ibrahim mengisytiharkan Iskandar Puteri sebagai ibu negeri Johor dan dinamakan sebagai Bandar Iskandar Puteri. Mulai tahun 1860, pejabat-pejabat kerajaan mula dipindahkan ke Iskandar Puteri. Pada peringkat awal, perpindahan awal ini melibatkan pentadbiran kerajaan sahaja. Temenggung Johor dan kaum kerabatnya masih menetap di Istana Teluk Belanga. Pembukaan bandar baru ini menyebabkan Iskandar Puteri semakin pesat membangun. Pada 1 Januari 1866, bersamaan dengan 12 Syaaban 1282, upacara perasmian Bandar Iskandar Puteri telah diadakan dan diberi nama baru, iaitu Johor Bahru dan sekali gus telah diisytiharkan sebagai ibu negeri Johor.

SUMBER: Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855 - 1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*, Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1988.

LATAR BELAKANG

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Pada 1 Januari 1866, bersamaan dengan 12 Syaaban 1282, upacara perasmian Bandar Iskandar Puteri telah diadakan dan diberi nama baru, iaitu Johor Bahru dan sekali gus telah diisytiharkan sebagai ibu negeri Johor. Sebagai sebuah pusat pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan bandar, bandar Johor Bahru telah ditambah baik agar ianya bersesuaian dengan perkembangan semasa. Ini dibuktikan apabila sebuah Lembaga Bandaran ditubuhkan pada tahun 1910.




Seterusnya pentadbiran Jabatan Lembaga Bandaran telah diubah kepada sistem Majlis Bandaran (Town Council) pada tahun 1952, yang membuka laluan ahli-ahli politik daripada pelbagai parti untuk turut serta dalam urusan pentadbiran bandar ini dan seterusnya pilihan raya pertama telah diadakan pada tahun tersebut. Pada tahun 1967, Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar Johor telah mengambil alih kuasa pentadbiran bandar Johor Bahru di bawah Seksyen 15 Enakmen Lembaga Bandaran 118.

Kerajaan telah menaik taraf bandar Johor Bahru kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru dan telah memperluaskan kawasan pentadbiran daripada 64km² kepada 119.5km² pada 1 April 1977. Melihat kepada perkembangan pesat yang telah di alami oleh bandar raya Johor Bahru, pada tanggal 1 Januari 1994, kerajaan menerusi perisytiharan oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Iskandar telah mengisytiharkan Majlis Perbandaran Johor Bahru kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam majlis yang cukup bersejarah.



Seiring dengan kenaikan taraf ini, MBBJ telah diberi tanggungjawab untuk mengurus serta mentadbir kawasan yang lebih luas dan sehingga Disember 2015, kawasan pentadbiran MBBJ adalah seluas 220km². Bermula pada 1 Januari 2016, kawasan pentadbiran MBBJ telah diperluas kepada 391.25km².

PELUASAN KAWASAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



FUNGSI DAN PERANAN

- 1



**PERANCANGAN
DAN KAWALAN
PEMBANGUNAN
BANDAR**

Menentukan hala tuju dan trend pembangunan bandar raya Johor Bahru seiring dengan misi nasional dan visi pengantarabangsaan Johor Bahru serta memastikan aktiviti pembangunan dilaksanakan mengikut Rancangan Pemajuan yang diwartakan.
- 2



**PENYEDIAAN DAN
PENYELENGGARAAN
KEMUDAHAN AWAM**

Mengenal pasti keperluan dari segenap lapisan masyarakat dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan awam yang terbaik buat warga bandar raya.
- 3



**MENYEDIAKAN
PERKHIDMATAN &
KAWALAN
KESIHATAN
BANDAR RAYA**

Majlis Bandaraya Johor Bahru menyediakan perkhidmatan perbandaran dan kesihatan awam yang profesional dan berkualiti selaras dengan Akta dan Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakan.
- 4



**PENYEDIAAN DAN
PENYELENGGARAAN
JALAN DI DALAM
BANDAR RAYA**

Penyelenggaraan jalan di dalam bandar raya yang komprehensif dengan penekanan terhadap aspek reka bentuk moden dan sistematik serta melaksanakan projek-projek pembinaan dan penyelenggaraan yang berkualiti.
- 5



**PENGUATKUASAAN
PERUNDANGAN
PERBANDARAN**

Mendidik masyarakat dan warga bandar raya untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang diwujudkan.

Menguatkuasakan perundangan Undang-Undang kecil bagi melahirkan sebuah bandar raya yang selamat dan sejahtera.
- 6



**PENGINDAHAN
DAN KECERIAAN
BANDAR**

Mewujudkan persekitaran bandar raya yang indah, selesa, selamat dan bersih serta menyediakan kemudahan rekreasi yang pelbagai.

FUNGSI DAN PERANAN

7



PENGURUSAN SISTEM SALIRAN MESRA ALAM

Membangunkan infrastruktur saliran yang mesra alam bagi memastikan masalah banjir dapat diatasi dan menyediakan sistem perparitan yang berkualiti dan sistematik seiring dengan keperluan pembangunan.

8



PENGURUSAN CUKAI HARTA DAN SUMBER-SUMBER HASIL SOKONGAN

Menguruskan hasil cukai harta berdasarkan Peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di samping meningkatkan hasil melalui punca-punca hasil lain dalam mengukuhkan kedudukan kewangan.

9



PENGAWALAN AKTIVITI PERNIAGAAN MELALUI PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN

Mengawal aktiviti perniagaan melalui pengeluaran lesen premis perniagaan dan iklan selaras dengan dasar dan undang-undang yang dikuatkuasakan.

10



PENGURUSAN LALU LINTAS DAN PENGANGKUTAN AWAM

Membangunkan sistem lalu lintas dan pengangkutan awam yang efisien, pintar dan sistematik bagi memberikan kepuasan pengguna jalan raya dan pejalan kaki.

11



PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI BANDAR

Memangkin pembangunan secara berkesan untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi Bandar raya Johor Bahru, melalui kerjasama bijak dengan pelbagai pihak termasuk pemaju, pengilang, peniaga dan sebagainya.

12



PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN

Membangunkan satu masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi, di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara.

PUNCA KUASA

AKTA-AKTA

- Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171)
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133)
- Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan akta-akta lain yang digunakan
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
- Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)



UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-Undang Kecil yang telah digubal di bawah peruntukan akta

PEKELILING-PEKELILING

Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang ditimbang guna oleh MJB

GARIS PANDUAN

Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Johor Bahru

PIAGAM PELANGGAN

1. Memastikan maklum balas aduan akan diberikan dalam tempoh 24 jam hari bekerja menerusi e-mel atau sistem pesanan ringkas (sms).

2. Layanan di kaunter akan diberikan selewat-lewatnya 20 minit pada waktu biasa dan 60 minit pada waktu puncak.

Memastikan lesen perniagaan dan iklan:

- a. Jenis tidak berisiko tinggi diberikan keputusan serta merta dari tarikh permohonan lengkap diterima;
- b. Jenis berisiko tinggi akan diberi keputusan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3. Memastikan semua permohonan pelan pemajuan diberi keputusan selewat-lewatnya 38 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima iaitu:

- a. Kebenaran merancang
- b. Pelan nama jalan, bangunan dan taman
- c. Pelan permit sementara (rumah contoh, pejabat jualan dan lain-lain aktiviti yang berbentuk sementara)
- d. Pelan struktur sistem pemancar

4. Memastikan semua permohonan pelan bangunan diberi keputusan selewat-lewatnya 28 hari bermula dari tarikh permohonan lengkap diterima.

5. Memastikan semua permohonan pelan pemajuan di bawah penurunan kuasa kepada Ketua Jabatan diberi keputusan rasmi selewat-lewatnya 50 hari bermula dari tarikh permohonan lengkap diterima iaitu:

- a. Pelan Kerja tanah
- b. Pelan Jalan & Perparitan
- c. Pelan Saliran
- d. Pelan Lampu Jalan & Lampu Isyarat
- e. Pelan Landskap

PIAGAM PELANGGAN

- f. Pelan Permit Sementara (pejabat tapak, rumah pekerja di tapak pembinaan papan hadang, papan tanda projek dan lain-lain komponen sementara di tapak pembinaan).
- g. Pelan Ubahan Tambahan

6. Memastikan semua tuntutan pembayaran dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan yang lengkap diterima oleh Jabatan.

7. Memastikan permohonan bantahan cukai harta yang layak diberi keputusan dalam tempoh dua belas (12) minggu dari tarikh permohonan di terima oleh jabatan.

8. Memastikan bil-bil cukai harta dihantar kepada pembayar cukai selewat-lewatnya dalam tempoh tiga (3) minggu selepas bermulanya setiap penggal.

9. Memastikan perkhidmatan kawalan wabak denggi kepada warga bandar raya melalui aktiviti semburan kabus diambil tindakan 72 jam setelah menerima arahan.

10. Memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan sosial kemasyarakatan, keagamaan dan sukan dilaksanakan dua (2) kali sebulan dalam kawasan zon Ahli Majlis dengan kerjasama Jawatankuasa Penduduk, badan bukan kerajaan dan pihak swasta.

DASAR KUALITI

Majlis Bandaraya Johor Bahru

adalah komited untuk meningkatkan **kesejahteraan** **warga bandar raya** melalui perkembangan **ekonomi** yang seimbang, pembangunan yang terancang dan pengurusan sumber yang **efisien**.

Majlis Bandaraya Johor Bahru


akan memastikan supaya kehendak pelanggan dipenuhi selaras dengan **perundangan** melalui pelaksanaan penambahbaikan yang berterusan berasaskan **MS ISO 9001**



SKOP PELAKSANAAN SPK

PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI BANDAR RAYA JOHOR BAHRU
(MERANGKUMI PERKHIDMATAN UTAMA DAN SOKONGAN KERAJAAN TEMPATAN)

CARTA ORGANISASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU





مجلس مدينة
KUALA LUMPUR
MAJLIS BANDARAYA



PENCAPAIAN PRESTASI PELAN STRATEGIK 2021 - 2025



OBJEKTIF STRATEGIK PELAN STRATEGIK 2021-2025 MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



JUMLAH KESELURUHAN PELAN TINDAKAN UTAMA DAN INDIKATOR PRESTASI BAGI TAHUN 2021-2025

BIL	KETERANGAN	OBS 1	OBS 2	OBS 3	OBS 4	OBS 5	OBS 6	OBS 7	JUMLAH
1.	Jumlah Pelan Tindakan Utama	52	41	85	45	55	21	28	327
2.	Jumlah Indikator Prestasi	73	47	96	55	61	25	33	390
3.	Jumlah Indikator Prestasi Yang Digugurkan	01	07	02	04	05	01	-	20


JUMLAH KESELURUHAN STRATEGI UTAMA, PELAN TINDAKAN DAN INDIKATOR PRESTASI PELAN STRATEGIK 2021-2025



**PENCAPAIAN INDIKATOR PRESTASI PELAN STRATEGIK
BAGI TAHUN 2021-2025**

OBJEKTIF STRATEGIK	KETERANGAN	JUMLAH KPI	STATUS PENCAPAIAN INDIKATOR PRESTASI PELAN STRATEGIK 2021-2025			
			Telah Mencapai Sasaran	Masih Dalam Pelaksanaan	Tidak Dapat Sasaran	
						
OBS.1	Tadbir Urus Berkualiti, Berintegriti, Responsif Dan Modal Insan Yang Kompeten	73	73/73	-	-	-
			100%	-	-	-
OBS. 2	Pengukuhan Kewangan Dan Kemampanan Pertumbuhan Ekonomi Bandar Raya	47	45/47	02/47	-	-
			95.74%	4.25%	-	-
OBS. 3	Menerapkan Penggunaan Teknologi Baharu Melalui Inovasi Berterusan	96	96/96	-	-	-
			100%	-	-	-
OBS.4	Perkhidmatan Kemudahan Dan Infrastruktur Yang Berkualiti	55	50/55	05/55	-	-
			90.91%	9.10%	-	-
OBS. 5	Sejahtera Dan Makmur Berteraskan Nilai-Nilai Kerohanian Dan Kemasyarakatan Yang Tinggi	61	61/61	-	-	-
			100%	-	-	-
OBS. 6	Memacu Penyertaan Awam Yang Interaktif Dan Kondusif Dalam Memperkasakan Pembangunan	25	20/25	05/25	-	-
			80%	20%	-	-
OBS.7	Keseimbangan Pembangunan Dan Kelestarian Alam Sekitar	33	30/33	03/33	-	-
			90.91%	9.1%	-	-
	JUMLAH KESELURUHAN	390	375 / 390	15 / 390	-	-
			96.15%	3.85%	-	-

PENCAPAIAN INDIKATOR PRESTASI PELAN STRATEGIK MBJB 2021-2025





BAB



HALA TUJU STRATEGIK

- ISU DAN CABARAN
- PIHAK BERKEPENTINGAN
- VISI & MISI
- PETA STRATEGIK
- TERAS STRATEGIK
- NILAI TERAS
- MOTO
- TERAS STRATEGIK DAN MENGIKUT JABATAN

ISU DAN CABARAN

KEKUATAN

POLITIK 01

Mempunyai modal insan yang kompeten dan berbilang disiplin

Kedudukan Johor Bahru yang strategik sebagai ibu negeri Johor

Mendapat pelbagai pengiktirafan dan penghargaan daripada dalam dan luar negara

02 EKONOMI

Mempunyai sumber kewangan yang kukuh

Mempunyai tanah simpanan yang boleh dibangunkan

SOSIAL 03

Kemampuan menganjurkan program pembangunan masyarakat

04 TEKNOLOGI

Pendigitalan urus tadbir dan pengurusan bandar

Mempunyai Pusat Repositori Data bagi pengurusan bandar pintar

UNDANG-UNDANG 06

Perundangan yang mencakupi pelbagai aspek pengurusan bandar

05 PERSEKITARAN

Kemampuan menyediakan infrastruktur yang berkualiti

KELEMAHAN

01

EKONOMI

Nilai mata wang rendah <

Keterbatasan pengurusan perbelanjaan dalam pembangunan kerjaya warga kerja <

Kebergantungan yang tinggi pada hasil cukai harta <

Tunggakan hasil yang tinggi <

03

TEKNOLOGI

Kebolehan bersaing dengan perkembangan semasa (teknologi, inovasi) – *rapid changes to technologies* <

Sistem dalaman yang tidak bersepadu <

05

UNDANG-UNDANG

Birokrasi dalam prosedur kerja/ proses kerja - tadbir urus <

Undang-Undang Kecil dan dasar yang telah lapuk (tidak selari dengan keperluan semasa) <

Ketidakpatuhan undang-undang dan peraturan oleh warga kerja <

02

SOSIAL

> Keupayaan untuk memiliki pakar (kompetensi) – sumber manusia

> Penglibatan dan kesedaran sosial dalam masyarakat yang kurang

04

PERSEKITARAN

> Pembangunan tepu (kurang peluang pembangunan baharu)

> Ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar

ANCAMAN

01 EKONOMI

1. Pertambahan populasi pesat luar kawalan
2. Kebanjiran pekerja warga asing
3. Kos sara hidup tinggi di Johor Bahru
4. Kejutan ekonomi global seperti krisis kewangan, konflik geopolitik atau perubahan harga minyak yang ekstrem.
5. Persaingan serantau - Khususnya dari Singapura dan bandar besar lain yang menarik pelaburan dan tenaga kerja berkualiti.
6. Nilai mata wang rendah

02 POLITIK

1. Campur tangan pihak luar
2. Kedudukan MBBJ bersebelahan negara maju / Singapura (aspek jangkaan)

03 PERUNDANGAN

1. Perubahan dasar atau undang-undang secara mendadak
2. Dasar Kerajaan Singapura

04 SOSIAL

1. Budaya dan mentaliti warga Bandar raya
2. Kurang tahap kesedaran, tanggung jawab dan '*sense of belonging*' warga Bandar raya
3. Penyebaran maklumat yang salah oleh orang awam
4. Keselamatan dan sosial – Kadar jenayah, masalah gelandangan, dan penyalahgunaan dadah.

06 TEKNOLOGI

1. Serangan siber (*cyber attack*)
2. *Safety Security*

05 ALAM SEKITAR

1. Perubahan iklim dan bencana alam terutamanya banjir kilat dan cuaca ekstrem
2. Pandemik atau penyakit berjangkit
3. Kekangan sumber utiliti.
4. Kesesakan lalu lintas dan infrastruktur terhad – Terutama di kawasan sempadan dan bandar utama.
5. Pencemaran alam sekitar – Termasuk pencemaran sungai dan kehilangan kawasan hijau.

PELUANG

Politik

- Kedudukan yang strategik sebagai *'The Southern Gateway to Peninsular Malaysia'* mewujudkan *spillover effect*
 - Kesalinghubungan dan *complementary* dari sudut ekonomi, polisi/dasar dan sumber.
 - *Asimilasi sosial dan knowledge transfer*
- Pelopor model tadbir urus rentas wilayah antara bandaraya sempadan, dengan melibatkan kerjasama tiga pihak: kerajaan tempatan, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Ekonomi

- Johor – Singapore *Special Economic Zone (JS-SEZ)* sebagai peluang peningkatan pelaburan bernilai tinggi masuk ke dalam Johor Bahru
- RTS sebagai *game changer* bagi transformasi pembangunan Bandaraya Johor Bahru yang lebih berdaya saing
- *Cross Border Tourism* / Pelancongan merentas sempadan mewujudkan kluster dan produk pelancongan baru
- Projek *double track* – ETS akan membawa limpahan ekonomi dari utara ke selatan

Sosial

- *Cross Border Population* mewujudkan sektor hartanah dan ekonomi Bandaraya Johor Bahru yang kompetitif
- Knowledge transfer dalam kemahiran dan kepakaran modal insan dalam mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi (*expertise and skillfull*) di Bandaraya Johor Bahru

Teknologi

- Johor Bahru sebagai peneraju Bandar Pintar Malaysia
- Transformasi digital dan penggunaan kecerdasan buatan (AI) ke arah penyampaian perkhidmatan yang efisien

Persekitaran

- Pemeliharaan dan pemuliharaan aset warisan untuk pelancongan budaya
- Mengoptimalkan penggunaan sumber semulajadi dalam mewujudkan ekosistem mampan dan hijau
- Aksesibiliti dan sistem perhubungan antarabangsa (Johor-Singapura) yang efisien

Undang-undang

- Peruntukan perundangan atau punca kuasa bagi penyediaan UU / kaedah/ garis panduan
- Pelaksanaan Johor Super Lane di kawasan JS-SEZ mempercepatkan proses kelulusan pelan pemajuan

PIHAK BERKEPENTINGAN

PEMEGANG TARUH



PELANGGAN



RAKAN STRATEGIK



VISI DAN MISI



PETA STRATEGIK



VISI MBBJ

**JOHOR BAHRU
BANDAR RAYA BERTARAF ANTARABANGSA,
BERDAYA HUNI DAN BERBUDAYA**

MISI MBBJ

**MEMBERI PERKHIDMATAN BANDAR RAYA
YANG EFISIEN DAN EFEKTIF SECARA INKLUSIF**

1. Memberikan perkhidmatan yang cekap dan mesra rakyat.
2. Memacu pembangunan mampan berasaskan keseimbangan ekonomi, sosial dan alam sekitar.
3. Memperkukuh tadbir urus bandar yang telus, profesional dan berintegriti.
4. Meningkatkan kualiti hidup warga bandar melalui inovasi dan penyertaan masyarakat.
5. Memperkasa nilai warisan dan budaya tempatan sebagai identiti yang unggul.

LIMA (5) TERAS STRATEGIK

TERAS STRATEGIK 1
**TADBIR URUS
YANG
BERKUALITI**

TERAS STRATEGIK 2
**HASIL
YANG
MENCUKUPI**

TERAS STRATEGIK 3
**PEMBANGUNAN
YANG
MAMPAN**

TERAS STRATEGIK 4
**PERSEKITARAN
YANG
KONDUSIF**


TERAS STRATEGIK 5
**JALINAN
STRATEGIK**

**STRATEGI
107**


**PROGRAM
216**

**INDIKATOR
228**

TERAS STRATEGIK



NILAI TERAS



MOTO

.....



MESRA BERKHIDMAT

Warga kerja MBBB sentiasa mengamalkan sikap mesra, bersopan santun, senyum, bertimbang rasa, menyayangi dan menghormati dalam melaksanakan kerja, usaha serta kemudahan dalam menabur bakti untuk kepentingan orang ramai antara warga kerja dan pelanggan.

JUJUR BERBAKTI

Ketulusan dan keikhlasan hati dalam memberikan perkhidmatan yang baik demi kepentingan orang ramai.

TERAS STRATEGIK DAN MENGIKUT JABATAN

1 TADBIR URUS YANG BERKUALITI

- JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
- UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
- UNIT SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI
- JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- JABATAN BANGUNAN
- JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR
- JABATAN PENGUATKUASAAN
- JABATAN PENGURUSAN HARTA
- UNIT UNDANG-UNDANG
- BAHAGIAN KERJASAMA AWAM DAN SWASTA
- UNIT PUSAT SETEMPAT
- JABATAN LANDSKAP
- JABATAN PELESENAN
- JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
- UNIT AUDIT DALAM
- JABATAN KEJURUTERAAN

HASIL YANG MENCUKUPI 2

- JABATAN PERBENDAHARAAN
- JABATAN PENILAIAN
- JABATAN KEJURUTERAAN
- JABATAN BANGUNAN
- JABATAN PENGUATKUASAAN
- BAHAGIAN KERJASAMA AWAM DAN SWASTA
- JABATAN PENGURUSAN HARTA

PEMBANGUNAN YANG MAMPAN 3

- JABATAN KEJURUTERAAN
- JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
- JABATAN BANGUNAN
- JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR
- JABATAN PENGUATKUASAAN
- JABATAN LANDSKAP
- UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
- JABATAN PENGURUSAN HARTA

4 PERSEKITARAN YANG KONDUSIF

- JABATAN KESIHATAN
- JABATAN KEJURUTERAAN
- JABATAN PELESENAN
- JABATAN PENGUATKUASAAN
- JABATAN LANDSKAP

JALINAN STRATEGIK 5

- JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
- JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
- UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
- JABATAN BANGUNAN
- JABATAN PENGUATKUASAAN
- UNIT PUSAT SETEMPAT



PELAN TINDAKAN STRATEGIK MBJB 2026-2030

.....

TERAS STRATEGIK STRATEGI, PROGRAM DAN INDIKATOR

- **TERAS STRATEGIK 1**
- **TERAS STRATEGIK 2**
- **TERAS STRATEGIK 3**
- **TERAS STRATEGIK 4**
- **TERAS STRATEGIK 5**



TERAS STRATEGIK 1

TADBIR URUS YANG BERKUALITI

TADBIR URUS YANG BERKUALITI

JABATAN/ BAHAGIAN: KHIDMAT PENGURUSAN

1

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
1.	Meningkatkan kompetensi modal insan organisasi	Pelaksanaan Program Pembangunan Kompetensi (CPD) – 78 Pegawai Pengurusan & Profesional (paling kurang 15 pegawai lengkapkan program)	Pembangunan CPD: Kenal pasti jurang kompetensi, laksana latihan, pemantauan CPD (Jan 2026 – Dis 2027)	Pembangunan CPD pada tahun 2026	
		Pegawai menghadiri kursus bagi memenuhi keperluan CPD	Peratus pegawai menghadiri program pembangunan kompetensi/ 42 jam latihan	90% pegawai menghadiri program pembangunan kompetensi/ 42 jam latihan	
		Meningkatkan kompetensi dan kemahiran melalui prestasi anggota	Peratus pegawai menghadiri tujuh (7) hari latihan setahun	100%	
		Program penandaarasan dan penempatan sementara (<i>attachment</i>) pegawai diantara organisasi (78 pegawai P&P)	Bilangan pegawai terlibat dengan program penempatan sementara	80% pegawai (15 orang pegawai/ setahun)	
		Pelaksanaan sesi ujian i-Psikologi dikalangan anggota di organisasi	Peratusan pegawai menjalani Ujian i-Psikologi dalam satu (1) tahun	70% daripada keseluruhan jumlah anggota	
	Meningkatkan kecekapan urus tadbir dalaman	Pendigitalan proses pentadbiran dan sumber manusia	Pembangunan sistem: “ <i>dashboard</i> ” HR DDMS	Sistem berfungsi dan beroperasi sepenuhnya	DDMS -RM50,000.00
3.	Memperkasakan kerohanian warga kerja dan warga kota.	Program kerohanian berbentuk ceramah, seminar, kempen atau sebagainya bersama agensi-agensi luar, NGO dan penduduk	Bilangan peserta menghadiri program dalam satu tahun (2026 – 70,000/ 800,000 penduduk)	20% peningkatan jumlah peserta setiap tahun	RM80,000.00
4.	Memperkuhkan nilai dan jati diri sosial golongan muda	Program berbentuk pendidikan sahsiah dan kerohanian untuk golongan kanak-kanak dan belia.	Bilangan peserta menghadiri program dalam satu tahun (2026 – 2000 golongan kanak-kanak dan belia)	Tiga (3) kali setahun	RM80,000.00
5.	Meningkatkan aktiviti pembudayaan inovasi dan kreativiti	Mewujudkan bank inovasi	Bilangan inovasi dibangunkan setahun	Enam (6) inovasi setahun	
6.	Memantapkan sistem pengurusan kualiti	Penganjuran KIK Peringkat MBBJ	Bilangan penganjuran satu (1) tahun	Satu (1) kali/ setahun	
		Penganjuran Konvensyen KIK Peringkat Negeri	Bilangan penyertaan KIK peringkat Negeri	Dua (2) penyertaan setahun	
		Mengekalkan pensijilan ISO	Jumlah penemuan audit	0 NCR	

2 TADBIR URUS YANG BERKUALITI

JABATAN/ BAHAGIAN: INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
1.	Memperkuh budaya integriti dalam kalangan warga MBBJ	- Taklimat Integriti MBBJ dengan kerjasama SPRM. - Ceramah Integriti. - Forum Integriti. - Sambutan Hari Integriti Peringkat MBBJ Tahun 2026. - Hebahan Kesedaran Integriti. - Pameran Antirasuah.	Lima (5) program pengukuhan integriti setahun (2026).	100% warga kerja MBBJ hadir sekurang-kurangnya satu (1) program setahun.	RM100,000.00
2.	Pemantapan sistem kawalan dalaman terhadap risiko rasuah.	Pelaksanaan Garis Panduan Kawalan Risiko Rasuah (CRM).	- Pemantauan CRM. - Pemetaan Risiko Jabatan. - Pelaporan Berkala kepada Jawatankuasa Integriti.	100% Jabatan mempunyai CRM dan dinilai setiap dua (2) tahun.	
3.	Pemodenan Proses Pematuhan melalui pendigitalan.	Pemodenan sistem dokumen secara digital meliputi akta, peraturan, pekeliling dan dasar-dasar.	Pembangunan sistem e-dokumen.	50% pendigitalan dokumen meliputi semua Jabatan.	
4.	Melaksanakan program pematuhan kepada arahan, peraturan, dan undang-undang yang berkuatkuasa	- Naziran berjadual - Naziran mengejut - Tapisan Integriti "Individual Integrity Profile" (IIP) – 2025 - Kajian Penilaian Inisiatif Antirasuah (PSACIA) -	Melaksanakan naziran tiga (3) kali setahun mengikut perancangan.	100% naziran.	
5.	Meningkatkan pematuhan Dasar Antirasuah Kebangsaan (NACS)	Pelaksanaan dan penyertaan dalam program berikut: - AIGA – Dua (2) tahun sekali - ABMS MS ISO 37001 – 2026 - OACP – 2024-2028	Bilangan penyertaan program	100% mengikut perancangan.	

TADBIR URUS YANG BERKUALITI **3**

JABATAN/ BAHAGIAN: SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
1.	Memperkukuh Fungsi Pusat Respositori Data – GeoJB	Integrasi sistem ke Pusat Repositori Data	Satu (1) sistem setahun	100%	RM100,000.00
		Pembangunan “dashboard”/aplikasi web baharu	Lima (5) “dashboard”/aplikasi setahun	90%	

TADBIR URUS YANG BERKUALITI **4**

JABATAN/ BAHAGIAN: TEKNOLOGI MAKLUMAT

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
1.	Memperkasa Perkhidmatan Digital dan Sistem Maklumat Bersepadu	Pembangunan aplikasi pendigitalan bagi transformasi proses kerja manual	Jumlah proses kerja telah didigitalkan	2026 - 60% (10 aplikasi)	<i>Outsource:</i> RM3.45 Juta (Bajet tahun 2026) VOT100501 & VOT29108)
		Pembangunan aplikasi pendigitalan bagi tranformasi proses kerja manual kepada secara automasi, secara dalam talian serta kecerdasan buatan (AI)	Proses pengambilan minit mesyuarat dan kertas kerja jawatankuasa dibuat secara secara dalam talian dan kecerdasan buatan (AI)	2026 - 20% 3 MODUL: OSC Pelaksanaan Minit Mesyuarat)	<i>Outsource:</i> RM50K (tahunan) RM50K (tahunan)
		Pembangunan aplikasi pendigitalan bagi maklumat pengurusan Ahli Majlis secara automasi, secara dalam talian serta kecerdasan buatan (AI)	Proses pemetaan maklumat profil Ahli Majlis secara pangkalan data kecerdasan buatan (AI) untuk rujukan	2026 - 20%	<i>Outsource:</i> RM50K (tahunan)
		Penambahbaikan fungsi dan prestasi aplikasi sedia ada bagi mengoptimumkan kecekapan penggunaan serta menyokong keperluan operasi	Bilangan sistem aplikasi yang ditambah baik	2026 – 3 aplikasi teras dan sokongan (perkhidmatan kepada rakyat)	<i>Outsource:</i> RM500K
		Pelaksanaan integrasi sistem yang mantap bagi menjamin kesinambungan aliran data dan proses kerja antara aplikasi secara cekap, bersepadu dan dan efisien	Bilangan pembangunan API antara aplikasi teras dan aplikasi sokongan	2026 – 10 APIs	<i>Outsource:</i> RM300K

4 TADBIR URUS YANG BERKUALITI

JABATAN/ BAHAGIAN: TEKNOLOGI MAKLUMAT

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
	Memperkasa Perkhidmatan Digital dan Sistem Maklumat Bersepadu	Penyelenggaraan sistem aplikasi digital merangkumi aspek teknikal, kemas kini perisian, pemantauan prestasi dan penambahbaikan bagi menjamin kelangsungan operasi sistem	Bilangan sistem aplikasi yang diselenggara	2026 – enam (6) sistem aplikasi setahun	<i>Inhouse / Outsource</i>
		Pelaksanaan teknologi perisian baharu dan penerapan elemen kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan operasi dan automasi proses secara digital.	Dua (2) modul AI aktif digunakan dalam tempoh duabelas (12) bulan	Contoh: AI Design, AI Video Production, AI Audio, AI Chat	
		Pemerkasaan Portal Rasmi yang responsif, interaktif dan informatif	Penilaian SPLaSK	2026 – 90%	<i>Outsource:</i> RM95,740.00
		Peningkatan keupayaan sistem emel bagi menyokong komunikasi organisasi yang lebih efisien dan selamat.	Storan akaun emel rasmi	2026 – 50%	<i>Outsource:</i> 105,350.00
		Pelaksanaan analisis data dan dataraya secara strategik bagi menyokong proses pembuatan keputusan berasaskan data.	“Dashboard” data-data, repositori	2026	<i>Outsource:</i> 300,000.00
		Pembangunan persembahan multimedia dan infografik yang interaktif serta berimpak tinggi	Penilaian / maklum balas pengguna terhadap persembahan yang disediakan	2026 – 80%	Perolehan bagi bahan sokongan dalam pembangunan multimedia seperti perisian video, grafik atau kuiz yang interaktif
2.	Memperkukuh Infrastruktur Rangkaian Dan Keselamatan ICT	Pemantauan log-log Peralatan Keselamatan Rangkaian MBBB “web application firewall” secara masa sebenar	Pelaksanaan Pemantauan Keselamatan bagi “security operation center” (SOC)	2026 – 100%	RM50,000.00

TADBIR URUS YANG BERKUALITI

JABATAN/ BAHAGIAN: TEKNOLOGI MAKLUMAT

4

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
		Pelaksanaan ujian penembusan " <i>Penetration Testing</i> " bagi mengenal pasti isu keselamatan rangkaian MBBJ	Syarikat luar dilantik bagi melaksanakan ujian penembusan	Setiap dua (2) tahun 2026, 2028, 2030	RM50,000.00 / tahun
		Penaiktarafan SD-WAN Router " <i>Peplink Link Balance</i> " untuk kegunaan di Menara MBBJ dan Pejabat Cawangan Jalan Dato Onn	Perolehan SD-WAN Router versi terkini menyokong " <i>bandwidth</i> " yang tinggi	2027 – 100%	
		Penaiktarafan " <i>Core Switch</i> dan <i>Server Farm Switch</i> " di Pusat Data Menara MBBJ	Perolehan " <i>Core Switch</i> " dan " <i>Server Farm Switch</i> " versi terkini	2027 – 100%	
		Penaiktarafan " <i>Wireless Access Point</i> " di Menara MBBJ	Perolehan " <i>Wireless Access Point</i> " versi terkini	2028 – 100%	
		Penaiktarafan " <i>Distribution</i> " dan " <i>Access Switch</i> " di Menara MBBJ	Perolehan " <i>Distribution and Access Switch</i> " versi terkini	2029 – 100%	
		Penggunaan teknologi " <i>cloud</i> " bagi " <i>Disaster Recovery Centre</i> " MBBJ	Penggunaan " <i>Cloud Services</i> " bagi " <i>Disaster Recovery Centre</i> " MBBJ	2027 – 100%	
		Penaiktarafan " <i>Web Application Firewall</i> " di Pusat Data Menara MBBJ	Perolehan " <i>Web Application Firewall</i> " versi terkini	2028 – 100%	
		Pelaksanaan ISO 27001:2022 " <i>Information Security Management System</i> " (ISMS) bagi MBBJ	Pensijilan ISO 27001:2022 " <i>Information Security Management System</i> " (ISMS) bagi MBBJ	2030 – 100%	

4 TADBIR URUS YANG BERKUALITI

JABATAN/ BAHAGIAN : TEKNOLOGI MAKLUMAT

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
3.	Penggunaan teknologi baru dan perkakasan secara optimum	Pelaksanaan penyelenggaraan peralatan teknologi maklumat dan pusat data secara berkala bagi mengoptimumkan penggunaan	Pelaksanaan penyelenggaraan berkala	2026 – Penyelenggaraan Pusat Data 100% 2026 – Penyelenggaraan Peralatan Teknologi Maklumat 80%	
		Pewujudan pusat arkib bagi penyimpanan rekod media digital	Perolehan “File Server” bagi penyimpanan data	2026 – 100%	RM160,000.00
		Penaiktarafan perkakasan dan sistem kehadiran di menara dan pejabat-pejabat cawangan MBBJ	Perolehan mesin perakam dan sistem versi terkini	2026 – 100%	RM390,000.00
		Pembangunan sistem iPerolehan baru yang lebih cekap “end to end process”	Perolehan sistem termasuk membangunkan/ menaik taraf modul: • konfigurasi sistem integrasi • Mencipta SH/ Tender • Spesifikasi • Dokumen tawaran • Kelulusan iklan dan jualan • Pendaftaran taklimat dan penjualan dokumen • Tutup peti sebut harga / Tender • Penilaian sebut harga / Tender • Mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga / Lembaga Tender MBBJ • Lantikan kontrak/ pembekal / Juru perunding • Pengurusan “stamping” dokumen kontrak • Pemantauan di tapak/ pengurusan kontrak (APK, EOT dll) • Prestasi kontraktor • Projek siap • Latihan kepada pengguna • Ujian penerimaan, pelaksanaan penuh sistem (setiap fasa)	2026 – 2030	Jan – Jun 2026 RM500,000 (Pra Kontrak) Jul 2026 – Dis 2027 RM1,000,000.00 (Post Kontrak) 2028 – 2030 3 tahun (RM300,000.00) uji cuba setiap peringkat pra & post Kontrak) dalam tempoh tahun yang sama Penyelenggaraan berterusan selama tiga (3) tahun setelah siap pembangunan sistem secara keseluruhan

TADBIR URUS YANG BERKUALITI 4

JABATAN/ BAHAGIAN: TEKNOLOGI MAKLUMAT

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
4.	Peningkatan Literasi ICT melalui latihan berterusan	Pelaksanaan latihan ICT kepada warga kerja MBBJ	Setiap anggota wajib satu (1) kali latihan sistem	2026	
		Pembangunan platform perkongsian data dan fail rujukan		2026-100% jabatan dan akses	

TADBIR URUS YANG BERKUALITI 5

JABATAN/ BAHAGIAN: BANGUNAN

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
1.	Meningkatkan kecekapan proses kelulusan pelan bangunan, ubahan tambahan dan permit sementara	Senarai Semak dan borang-borang permohonan dan tempoh piagam dikemaskini.	Peratus permohonan diproses dalam tempoh setahun	80%	
2.	Keberkesanan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan bangunan yang lebih berkesan	Pemeriksaan pematuhan berjadual dan penyelesaian aduan awam.	Peratus penyelesaian aduan awam dalam tempoh setahun	80%	
3.	Memantapkan pengurusan Jabatan Bangunan	Menggubal dan mengemas kini dasar sedia ada dan dasar baru	Tiga (3) Proses kerja/ dasar baru dalam tempoh lima (5) tahun	Satu (1) proses kerja/ Dasar (20%)	
4.	Memodenkan proses permohonan dan kelulusan	Mengwujudkan/ penambahbaikan sistem aplikasi dalam proses kerja	Tiga (3) sistem aplikasi diwujudkan dalam tempoh lima (5) tahun	Satu (1) sistem aplikasi diwujudkan (20%)	

6 TADBIR URUS YANG BERKUALITI

JABATAN/ BAHAGIAN : PENGANGKUTAN BANDAR

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
1.	Penggunaan teknologi bagi mengoptimalkan kos pengurusan operasi	Pemasangan lampu jalan jenis LED yang dilengkapi dengan sistem pintar dan kawalan berpusat di kawasan pentadbiran MBBJ	% pemasangan lampu jalan LED sebagaimana perancangan tahunan jabatan (20,000 unit)	80%	RM70,000,000
		Pematuhan penggunaan sistem pintar dan pemantauan berpusat lampu jalan bagi projek pembinaan MBBJ dan pemaju.	% pemuatan	100%	
		Melakukan kajian keperluan tambahan pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan pentadbiran MBBJ	Laporan kajian	Disember setiap tahun	
		Pelaksanaan pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan.	% pemasangan CCTV (2000 unit)	80%	RM129,600,000
		Pelaksanaan pemasangan sistem lampu isyarat yang dilengkapi dengan pemantauan berpusat dan kecerdasan buatan.	% pemasangan sebagaimana perancangan tahunan jabatan (215 persimpangan)	80%	RM24,510,000
		Pematuhan penggunaan sistem pemantauan berpusat dan kecerdasan buatan lampu isyarat bagi projek pembinaan MBBJ dan pemaju	% pemuatan	100%	
		Menyediakan perkhidmatan bas tanpa pemandu yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan dan teknologi rendah karbon	% bilangan bas yang disediakan sebagaimana perancangan Jabatan	80%	RM4,000,000

TADBIR URUS YANG BERKUALITI 7

JABATAN/ BAHAGIAN : PENGUATKUASAAN

BIL	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	BAJET
1.	Membina pasukan penguatkuasaan yang kompeten, berintegriti dan berakuntabiliti tinggi	Menyediakan latihan berkaitan berkaitan penguatkuasaan lesen dan pendekatan beretika	Melaksanakan latihan mengikut tugas dan jawatan (sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.	100%	RM100,000.00
			Kehadiran anggota dalam latihan	100%	-
			Program penempatan Pegawai dan anggota di PBT dan agensi lain	1 kali setahun	RM30,000.00
2.	Memantapkan integriti dalam penugasan dan tindakan penguatkuasaan (Smart enforcement)	Pemasangan GPS "Vehicle Tracking" bagi setiap kenderaan peronda	Jumlah "GPS tracker" yang dipasang di kenderaan peronda	100%	RM100,000.00
		Menambah aset logistik/ peralatan sedia ada	Pembelian penambahan 30 unit kamera badan	100%	RM50,000.00
			Sewaan "handheld" sebanyak 80 unit	100%	RM528,000.00
